

## Agihan kedua elaun sara hidup pekebun kecil getah

UM 9 DEC 2002

TANAH MERAH 8 Dis. — Kerajaan kini sedang mengagihkan bantuan elaun sara hidup peringkat kedua berjumlah RM100 juta kepada pekebun kecil getah di seluruh negara bagi meringankan beban hidup mereka.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, sebahagian daripada peruntukan Kerajaan Pusat itu telah selesai diagihkan sebelum ini.

Katanya, daripada jumlah itu sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk pekebun kecil getah di Kelantan yang dianggap tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Dalam sehari atau dua lagi kita akan berikan kepada mereka terlibat,"katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di kediamannya Daruln Falah, Kemahang di sini hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri berkata, pekebun kecil getah di negeri ini mendapat peruntukan paling tinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Peruntukan tertinggi kepada pekebun kecil di Kelantan ini membuktikan Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan negeri Kelantan walaupun diperintah oleh Pas,"ujarnya.

Beliau berkata, rakyat negeri ini patut bersyukur kerana Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad prihatin terhadap nasib mereka walaupun rakyat diperintah pembangkang.

Menurutnya, Kelantan juga mendapat peruntukan tertinggi di bawah bantuan Kebajikan Masyarakat iaitu RM15 juta setahun berbanding negeri-negeri lain.

"Bantuan ini dimanfaatkan oleh orang kurang upaya, ibu tunggal, miskin dan orang tua,"tambahnya.